

## **Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari**

---

**From:** Hal Ehwal Pelajar  
**Sent:** Tuesday, December 1, 2015 3:28 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD  
**Subject:** HEP ONLINE: MUHAMAD AIMAN MOHD NAHZERI TERAJUI MPP UUM



**“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”**  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**1 DISEMBER 2015, SELASA | 19 SAFAR 1437H**



**HEP ONLINE:** Muhamad Aiman Mohd Nahzeri menerajui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) sesi 2015/2016.

Pelajar semester lima Program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian yang memenangi pilihanraya kampus ini mendahului 35 MPP yang menerima watikah pelantikan daripada Naib Canselor UUM Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak di Bilik Mesyuarat Utama Jabatan Hal Ehwal Pelajar pagi tadi.

Pelantikan MPP sesi 2015/2016 ini juga menyaksikan M Shahadat Ali Nordin sebagai Timbalan Yang DiPertua, Mohd Azwan Siri (Naib Yang DiPertua 1), Syafiah Abd Jalil (Naib Yang Di Pertua 2), Siti Zalina Abd Aziz (Setiausaha), Prashant Naibu A/L PM Pathma (Timbalan Setiausaha I), Thien Ching Ling (Timbalan Setiausaha 2 dan Exco Integrasi Komuniti & Antarabangsa), Nik Mohd Hafiz Hassan (Bendahari) dan 28 yang lain dilantik sebagai exco dan ketua exco.

Terdahulu Muhamad Aiman mengetuai bacaan ikrar bersama MPP yang dilantik untuk sesi 2015/2016 sebelum berucap dalam majlis ini.

Dalam pada itu Naib Canselor UUM Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak ketika berucap menyarankan MPP yang dilantik mengenyepikan perbezaan pendapat dan ideologi untuk memberi fokus kepada tugas yang diamanahkan dalam membantu universiti menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

Katanya pelantikan ini juga diharap mereka menjadi lebih bersemangat dalam menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin.

'Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ini dan mengalu-alukan sekiranya mempunyai sebarang masalah dan isu bolehlah dikongsi bersama pihak pengurusan universiti,' ujar beliau lagi.

Majlis ini turut menyaksikan penyerahan tugas oleh wakil Yang DiPertua sesi 2104/2015 Umi Hidayah Mohd Zaya kepada Muhamad Aiman Mohd Nahzeri .

Turut hadir Penolong-penolong Naib Canselor, Dekan-dekan, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pengarah Pusat Asasi UUM.

Habis.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: [www.hep.uum.edu.my](http://www.hep.uum.edu.my)

Emel: [hep@uum.edu.my](mailto:hep@uum.edu.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

